



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Sabtu, 17 Disember 2022

1	Telur ayam dari India jalani saringan ketat
2	Langkah sementara sahaja
3	Egg from India pass tests and meet standards set, says ministry

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kerajaan pastikan bekalan selamat diguna rakyat

Telur ayam dari India jalani saringan ketat

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memastikan bekalan telur ayam yang diimport dari India adalah selamat dan bersih untuk dimakan oleh rakyat negara ini.

MAFS menerusi kenyataan akbar berkata, bekalan telur import itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam.

Katanya, MAFS telah membekalkan kemasukan telur ayam dari India semalam melalui laluan udara sebagai fasa per cubaan bagi memastikan ia menepti

segala piawaian ditetapkan.

"MAFS melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah melaksanakan kawalan kemasukan telur ayam import di pintu masuk secara ujian Hold, Test and Release (HTR) merangkumi ujian PCR untuk pengesanan bakteria Salmonella, virus Newcastle Disease dan Avian Influenza.

"Pengujian yang dijalankan ini bagi memastikan rakyat menerima telur ayam import yang selamat, bersih, halal dan bebas daripada segala penyakit di samping melindungi industri

peternakan negara," katanya.

Katanya, segala protokol dan tatacara yang ditetapkan oleh kerajaan juga telah dipatuhi tanpa kompromi.

"Hasil ujian yang dilaksanakan Maqis dan DVS mendapati, telur ayam yang diimport bebas daripada segala penyakit, selamat dan mematuhi segala piawaian ditetapkan bagi kegunaan pasaran negara.

"MAFS juga bersetuju memberi kebenaran sementara kemasukan telur ayam daripada sumber luar dan kebenaran ini akan dikaji semula apabila bekalan dalam negara kembali stabil," katanya.



TELUR import bakal mengatasi masalah kekurangan bekalan serta mampu menurunkan produk protein itu.
– GAMBAR HIASAN



LANGKAH SEMENTARA SAHAJA

MAFS bawa masuk telur ayam dari negara luar tumpung kekurangan bekalan dihadapi negara

Oleh Irwan Shafrizan
Ismail
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) bersetuju memberi kebenaran sementara kemasukan telur ayam import dari sumber luar termasuk India.

Dalam satu kenyataan semalam, kementerian itu memaklumkan fasa percubaan kemasukan terabit bagi memastikan telur ayam yang diimport menelepas pialawan ditetapkan.

"MAFS telah membawa masuk telur ayam dari negara luar untuk menampung kekurangan bekalan telur yang sedang dihadapi negara sejak beberapa bulan lalu.

"Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar

kawalan kemasukan telur ayam import di pintu masuk secara ujian *'Hold, Test and Release' (HTR)* yang merangkumi ujian PCR untuk pengesanan bakteria *Salmonella*, virus *Newcastle Disease* dan *Avian Influenza*.

"Pengujian yang dijalankan ini adalah bagi memastikan rakyat menerima telur ayam import yang selamat, bersih, halal dan bebas dari segala penyakit di samping melindungi industri perternakan negara," katanya.

"MAFS berkata, segala protokol dan tatacara yang ditetapkan oleh kerajaan juga sudah dipatuhi tanpa kompromi."

"Hasil ujian yang dilaksanakan oleh Maqis dan DVS mendapati telur ayam yang diimport bebas dari segala penyakit, selamat dan

yang ditetapkan bagi kegunaan pasaran dalam negara.

"Sehubungan itu, kementerian bersetuju memberikan kebenaran sementara kemasukan telur ayam dari sumber luar dan kebenaran ini akan dikaji semula apabila bekalan telur dalam negara kembali stabil," katanya.

Tambahnya, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukanlah untuk mekanan pengusahaan industri telur ayam tempatan.

"Sebaliknya bagi memastikan kecukupan bekalan telur ayam dalam negara dengan harga yang kompetitif selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengutamakan kehaihan ra-

“
Segala protokol dan tatacara ditetapkan oleh kerajaan juga sudah dipatuhi
MAFS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.12.2022	THE STAR	NATION	8

Eggs from India pass tests and meet standards set, says ministry

KUALA LUMPUR: The initial batch of imported chicken eggs has arrived to meet the shortfall in the country, says the Agriculture and Food Security Ministry (MAFS).

In a statement yesterday, MAFS said that the batch of air-flown eggs from India was part of an experimental phase to ensure that imported eggs met all the standards set.

"We have carried out tests through the Malaysian Quarantine and

Inspection Services (Maqis) and the Veterinary Services Department and found the eggs free of disease and complied with all standards set for the national market.

"Accordingly, we have agreed to grant temporary permission for the entry of chicken eggs from outside."

"This will be reviewed when the domestic egg supply stabilises," said MAFS.

It added that quality control on

the imported eggs was done via the Hold, Test and Release process.

"This includes polymerase chain reaction (PCR) test for the detection of *Salmonella* bacteria, Newcastle disease and avian influenza.

"These tests are to ensure that the imports are safe, clean, halal and free from disease."

"This will in turn protect the country's livestock industry as well," it said.

It said all protocols and procedures set by the government had been followed without compromise.

MAFS stressed that importing eggs was not meant to suppress the local industry, but to ensure sufficient supply in the country at competitive prices.

The Times of India reported that in a first, an egg exporter from Namakkal in Tamil Nadu was sending eggs to Malaysia.

It said ministry secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid had approached the Indian High Commission in Kuala Lumpur to explore the possibility of importing eggs from India.

On Thursday, Bernama reported that the supply of chicken eggs in supermarkets and retail stores in five states, namely Perak, Penang, Kelantan, Selangor and Melaka, was seen to be depleting.